

Siswa UMS turun padang bantu mangsa banjir

BH 9.2.2015 19

Kota Belud: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menunaikan tanggungjawab membantu mangsa banjir di Sabah, baru-baru ini khususnya di Kota Belud, Kudat dan Beaufort menerusi sumbangan keperluan asas seperti beras, lampin pakai buang, susu dan air mineral.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, berkata seramai 100 sukarelawan meliputi 80 pelajar dan 20 kakitangan universiti terbabit dengan misi membantu mangsa bencana alam itu.

Beliau berkata, antara kampung yang dikunjungi ialah Tanjung Pasir bagi menyampaikan bantuan kepada 60 mangsa yang dipindahkan di Masjid Tanjung Pasir.

“UMS sentiasa bersiap siaga membantu masyarakat di kawasan dilanda bencana alam yang bermatlamat membantu mengurangkan bebanan hidup mereka,” katanya yang juga ketua misi sukarelawan terbabit.

Selain memberi bantuan, suka-

relawan menggunakan pacuan empat roda (4WD) itu turut mempelajari sejarah Masjid Tanjung Pasir atau lebih dikenali ‘Balai

Diah’ dalam bahasa tempatan, yang dikatakan tertua di daerah itu. Ketika Perang Dunia Kedua meletus pada tahun 1941 hingga 1945 ‘Balai

Diah’ menjadi tempat perlindungan penduduk setempat daripada bedilan mortar dan bom oleh Tentera Bersekutu dan Jepun sama ada dari udara, laut mahupun darat kerana yakin akan dilindungi Allah SWT.

UMS turut menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara daerah dan diserahkan kepada Penolong Pegawai Daerah Kota Belud, Peter Jiton disaksikan Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin.

Agih sumbangan

Misi seterusnya ialah Kampung Lingkodon, di sini, menerusi lawatan dari rumah ke rumah penduduk yang dilanda banjir sambil menyerahkan bungkusan makanan, sebelum misi diteruskan ke Sikuati, Kudat dan Beaufort.

Mohd Harun berkata, selain mengagihkan sumbangan kepada mangsa banjir, sukarelawan turut

memberikan sokongan psikologi dan emosi agar mangsa terbabit dapat meneruskan kehidupan seperti biasa selepas keadaan pulih.

“Saya juga teruja melihat semangat siswa UMS yang sanggup turun padang ketika musim peperiksaan bagi membantu penduduk menghadapi musibah banjir luar biasa ini.

“Saya amat berharap kepada semua siswa agar dapat menjadikan kesukarelawan sebagai satu wadah membentuk peribadi dan sahsiah untuk menjadi seorang pemimpin berkaliber kelak,” katanya.

Seorang penduduk Kampung Lingkodon, Selamat Soor, 45, berkongsi pengalaman mengharungi banjir yang berlaku sekelip mata sehingga ada penduduk sukar dipindahkan.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Tanjung Pasir, Jelin Sidum, berkata budi UMS membantu penduduk kampung terbabit akan dikenang sepanjang hayat.



Mohd Harun (tengah) menyerahkan bantuan banjir sumbangan UMS kepada Jelin untuk mangsa bencana di kampung Masjid Kampung Tanjung Pasir, Kota Belud.